

## **BAB II**

### **PERKEMBANGAN ISLAM DI NEGERI KEDAH**

#### **1. PENDAHULUAN**

Sejarah adalah satu aspek yang sangat penting kepada kehidupan manusia, masyarakat ataupun tamadun. Sejarah memberi erti sebagai kisah atau peristiwa masa lampau umat manusia,

<sup>79</sup> kerana dengan hanya sejarah sahaja manusia, bangsa, masyarakat ataupun sesebuah tamadun itu akan jatuh, membangun dan mengalami proses perkembangannya. Sepanjang sejarah manusia kita dapati ada di kalangan kelompok manusia itu hidup tanpa ilmu pengetahuan, teknologi dan tamadun, namun tidak pernah didapati satu kelompok manusia pun yang hidup tanpa landasan kehidupan beragama.<sup>80</sup>

Sejarah adalah suatu disiplin ilmu yang memiliki pelbagai pendekatan, sejarah membuat kita faham akan hal ehwal sesuatu bangsa yang terdahulu, sesebuah kerajaan, mengenai fakta-fakta politik yang asas dan watak peradaban yang mempengaruhi organisasi sosial manusia yang memerlukan agakan yang tepat serta memerlukan ketekunan untuk memenuhi kebenarannya seterusnya dapat menjauhkan daripada melakukan pelbagai ketersasulan dan kesalahan.<sup>81</sup>

---

<sup>79</sup> Dudung Abdurrahman, M. Hum.(1999), *Metode Penelitian Sejarah*, Jakarta, Logos Wacana Ilmu, c. 11, h. 1.

<sup>80</sup> Faisal@Ahmad Faisal Bin Abdul Hamid (2002), Dato' Haji Ismail Yusoff: Sumbangannya Terhadap Perkembangan Islam Di Kelantan, Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin, Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam, Bahagian Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 36.

<sup>81</sup> Mukadimah Ibnu Khaldun (2006), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, c. 5, h. Pendahuluan xx

Maka proses sejarah perkembangan agama Islam pun begitu juga. Ianya bermula 10 tahun di Mekah, kemudiannya 13 tahun di Madinah,<sup>82</sup> seterusnya disebarluaskan kepada umat manusia seantero alam ini termasuklah cahaya Islam itu akhirnya sampai jua ke gugusan kepulauan Melayu ataupun dipanggil juga dengan namanya Nusantara.

Perkembangan agama telah bermula sejak ribuan tahun lagi di Nusantara ataupun di gugusan kepulauan Melayu ini. Nusantara telah menjadi tempat tumpuan pelbagai bangsa, budaya dan agama untuk berniaga dan bertemu, maka sudah pasti ianya menjadi tempat pertemuan pelbagai agama, bangsa dan juga kebudayaan yang dibawa oleh bangsa-bangsa tersebut yang telah menjalankan perhubungan dengan masyarakat setempat.<sup>83</sup> Agama Hindu, Buddha sebagai contohnya, pernah menjadi agama rasmi di gugusan kepulauan Melayu pada satu ketika di bawah pemerintahan kerajaan Siam, Srivijaya, Majapahit, dan Kedah termasuk dalam kumpulan tersebut seperti mana yang diterjemahkan fakta dan buktinya dalam bentuk arkeologi lembah Bujang Merbuk,<sup>84</sup> dan akhirnya agama Islam telah bertapak kukuh dan menjadi sebatи dengan bangsa Melayu sehingga kini serta ianya telah menjadi agama rasmi dalam perlembagaan yang dianut oleh majoriti umat Melayu masa kini khususnya di negeri Kedah.

Agama Islam disepakati telah sampai di alam Melayu ataupun Tanah Melayu, dipanggil juga dengan gugusan kepulauan Melayu dan dipanggil juga sebagai Nusantara

---

<sup>82</sup> Muhammad bin Muhammad Abu Syahbah (1998), *al-Sirah al-Nabawiyah fi Dhaw al-Quran Wa al-Sunnah*, j. 2, c. 4, Damsyik: Dar al-Qalam, h. 13.

<sup>83</sup> Wan Hussein@Azmi (1979), *Pendakwahan Islam Dan Perkembangannya di Alam Melayu Dari Abad ke VII M- XVII M*, T.T.P.: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, h. 2.

<sup>84</sup> Lembaga Muzium Negeri Kedah Darulaman (1991), Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman, c. 1, h. 24-25.

oleh ahli sejarah adalah melalui perdagangan sejak abad ketujuh lagi,<sup>85</sup> ataupun dikatakan oleh ahli sejarah dalam bentuk hubungan perdagangan samada melalui hubungan dagangan dengan Arab, China atau juga India,<sup>86</sup> yang kemudiannya menjalinkan hubungan dalam bentuk keagamaan apabila sultan ataupun raja dan juga rakyatnya memeluk Islam serta menerima agama Islam itu menjadi pegangan dan cara hidup mereka sepenuhnya. Ini diakui dan disokong oleh ahli sejarah yang terkenal seperti *al- Tabari* dan *al- Masudi* dalam catatan pelayaran mereka.<sup>87</sup>

Agama Islam juga telah melalui detik-detik sukar untuk disebarluaskan kepada pemerintah sesuatu negeri dan negara. Namun sejarah memperlihatkan bahawa agama Islam disebarluaskan dengan jalan perdamaian bukannya dengan keganasan, baik semasa bermulanya di Mekah, di Madinah hatta di alam Melayu sendiripun. Sejarah telah mengungkapkan, agama Islam telah diterima dengan kerelaan penduduknya melalui pendakwah ataupun pedagang Islam yang datang menjalankan perniagaan mereka. Pedagang-pedagang yang datang ke Tanah Melayu adalah merupakan para Ulama, di samping mereka menjalankan kegiatan perniagaan, mereka juga menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat Melayu, dan ada juga di kalangan mereka yang mengahwini wanita tempatan. Maka hasil dakwah dan ajaran yang mereka sampaikan, amat menarik minat masyarakat orang Melayu ketika itu sehingga mereka telah menukar agama lama kepada agama Islam.

---

<sup>85</sup> Muhammad Yasir Bin Fakhrurazi, *Perkembangan Islam Di Negeri Kedah: Satu Tinjauan Dalam Abad Ke-19 M*, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 17.

<sup>86</sup> Faridah Romly, Orang Arab di Kedah, Arkib Negara Malaysia Cawangan Kedah/Perlis, h. 12.

<sup>87</sup> Dusuki Haji Ahmad (1982), *Ikhtisar Perkembangan Islam*, c. 5, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 517.

Kita dapat melihat di sini bahawa apabila Islam telah menjadi anutan, ikutan, pegangan malah agama Islam telah menjadi landasan rasmi " way of life "<sup>88</sup> dalam setiap perkara kehidupan lapisan masyarakatnya termasuk dalam akidah, syariah, akhlak, adab, peradaban dan tatasusila samada di peringkat raja, sultan, pemerintah dan juga rakyatnya. Maka agama Islam telah membentuk struktur organisasi sosial dan juga politik orang Melayu seiring bersamanya juga perkembangan agama Islam itu sendiri.

Negeri Kedah adalah merupakan salah sebuah negeri Melayu yang terawal menerima kedatangan Islam berdasarkan Kedah adalah pelabuhan entrepot dan pusat perdagangan yang benar-benar berlaku pada satu ketika iaitu di antara pedagang-pedagang Arab-Parsi, China dan India.

Tidak dapat dinafikan juga, walaupun Kedah merupakan salah sebuah negeri yang terawal menerima pengaruh agama Islam, namun negeri-negeri yang ada di Malaysia ini juga mempunyai fakta yang sama misalnya negeri Kelantan. Ini telah dijelaskan oleh Prof. Khoo Kay Kim<sup>89</sup> dengan katanya:

"... adalah lebih tidak dihiraukan daripada sejarah negeri Kedah oleh kerana negeri Kelantan telah tidak merupakan faktor yang penting dalam sejarah jajahan British di bahagian dunia sebelah sini sehingga akhir kurun ke sembilan belas".<sup>90</sup>

---

<sup>88</sup> Islam adalah sebagai cara hidup.

<sup>89</sup> Profesor Emeritus Tan Sri Dato` Dr. Khoo Kay Kim (Lahir: 28 Mac 1937). Beliau ialah seorang ahli sejarahwan terkemuka di Malaysia dan mendapat kehormatan Emeritus dari Universiti Malaya. Beliau dilahirkan di Kampar, Perak, Malaysia. Beliau berkelulusan B.A. 1959, M.A. 1967, Ph.D. 1974 dari Universiti Malaya. Khoo Kay Kim merupakan salah seorang penulis yang merangka Rukun Negara.

<sup>90</sup> Khoo Kay Kim(1972), " Semenanjung Tanah Melayu Pada Kurun Yang ke-19", dalam Zainal Abidin bin Abdul Wahid(ed.), *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1972, h. 82-83.

Namun, dengan bukti-bukti hasil peninggalan bahan arkeologi, sejarah lamanya yang dapat dilihat dan masih wujud hingga ke hari ini melalui tulisan batu nisan, matawang perak, kewujudan penempatan orang Arab di Kedah, kewujudan institusi pendidikan tradisional yang dipanggil pondok seperti cendawan tumbuh, lahirnya ramai tokoh- tokoh ulama dan tokoh agama di Kedah, seterusnya juga kita dapat melihat kehidupan beragama dalam masyarakat Islam di Kedah terutamanya orang Melayu masih lagi dipegang kuat oleh cara hidup berdasarkan sendi- sendi dan nilai- nilai hidup secara Islam sepenuhnya dari dahulu hingga sekarang ini.<sup>91</sup>

## 2. ISLAM DI NEGERI KEDAH

Ahli-ahli sejarah berpendapat bahawa Kedah juga telah menerima Islam hasil daripada gerakan dakwah yang dijalankan oleh pendakwah, mubaligh Islam, pedagang-pedagang Islam dan ahli korporat Islam serta alim ulama Islam yang datang samada dari Arab ataupun Timur Tengah (Parsi), China dan India. Seterusnya juga apabila kajian demi kajian dijalankan ternyata mereka berpendapat kemungkinan besar Kedah adalah negeri yang mula- mula sekali menerima Islam di rantau Semenanjung Tanah Melayu berpandukan kepada beberapa sumber bertulis dan penemuan hasil carigali pihak arkeologi di Kedah pada akhir- akhir ini, telah didedahkan kepada umum bahawa dakwah Islam telahpun sampai di negeri ini sejak abad kesepuluh lagi.<sup>92</sup>

---

<sup>91</sup> Biografi Ulama Kedah Darulaman (1996), Kedah: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darulaman, j. 1, c. 1, h. IV-7.

<sup>92</sup> Majlis Kebudayaan Negeri Kedah Darul Aman, (Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman 11 1998), c.1, h. 6.

Walaupun tarikh yang tepat dan jelas mengenai kedatangan Islam di Kedah sehingga kini belum dapat dipastikan, namun begitu apa yang pastinya adalah, Kedah telah menerima Islam lebih awal dari negeri-negeri Melayu di Semenanjung berdasarkan hasil kajian sejarah yang dilakukan oleh ahli sejarah, penemuan bukti-bukti sejarah seperti batu nisan, kewujudan perkampungan “Langgar” yang berasal daripada perkataan Parsi, sumber rujukan batu nisan di Aceh, buku-buku sejarah negeri Kedah seperti Tarikh al-Salasilah Negeri Kedah dan sebagainya.

Kedah merupakan salah sebuah tempat persinggahan peniaga dan pedagang daripada Arab, Parsi dan India termasuk yang beragama Islam. Selain membawa barang dagangan mereka juga menyebarkan Islam ke tempat yang mereka singgahi. Terdapat bukti yang menunjukkan Islam sampai ke Kedah lebih awal daripada negeri lain, antaranya sejarah Kedah mencatatkan seorang ulama Arab, Syeikh Abdullah al-Yamani telah datang ke Kedah dan mengislamkan Maharaja Derbar Raja II (kemudiannya digelar Sultan Muzaffar Shah I) pada tahun 531H (1136M). Beliau kemudiannya menjadi guru agama sultan dan menetap di Kedah. Dengan berpandukan catatan ahli sejarah, bukti-bukti batu nisan yang telah dijumpai, bukti kewujudan alim ulama dan institusi pondoknya, maka kita dapat bersandarkan dengan penemuan bukti tersebut bahawa Kedah telah menerima agama Islam lebih awal dari negeri-negeri yang wujud di Semenanjung Tanah Melayu.<sup>93</sup>

Antara artifak yang ditemui dan mengarahkan kita kepada tarikh terawal adanya pengaruh Islam di Kedah ialah catatan aksara Arab pada sekeping batu yang ditemui di

---

<sup>93</sup>Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam , <http://citu.uitm.edu.my/component/content/article/53-artikel-citu/17-pendidikan-islam-di-negeri-kedah--suatu-ulasan-ringkas.html>, 11 Disember 2010.

Tupah berhampiran Gunung Jerai sebelum perang dahulu. Inskripsi ini mencatatkan nama tokoh dan tarikh iaitu “ Ibnu Sirdan 214H/829M” yang membuktikan bahawa adanya tokoh- tokoh dari Timur Tengah samada Arab ataupun Parsi yang mengembara bertujuan untuk mengembangkan syiar Islam di negeri ini.<sup>94</sup>

Sepasang batu nisan purba yang ditemui di sebuah tanah perkuburan Islam di Kampung Tanjung Inggeris Langgar, kira-kira 8 kilometer dari Bandar Alor Setar, jelas terpahat di situ nama, Syeikh Abdul Kadir Ibni Hussein Syah Alirah” dan tarikh meninggalnya “3 Rabiulawal 291H/904M yang menunjukkan satu lagi bukti bahawa adanya pengaruh Islam dan Islam sudahpun bertapak di Kedah.<sup>95</sup>

Mengikut pandangan Braddell beliau mempercayai bahawa apa yang disebut pelabuhan Takola oleh Ptolemy dalam buku geografinya itu adalah negeri Kedah Darulaman sebagaimana juga apa yang diperakui oleh orang- orang Yunani.<sup>96</sup> Dan ini juga diakui oleh ahli pelayaran Arab seperti Ibnu Kurdahbih dan sebagainya.<sup>97</sup>

Bagaimanapun pada umumnya sejarah kemasukan Islam di negeri Kedah dikaitkan dengan usaha Syeikh Abdullah Yamani yang telah mengislamkan Maharaja Derbar Raja 11 pada tahun 1137M dan telah menukarkan namanya kepada Sultan Muzaffar Syah 1.<sup>98</sup>

---

<sup>94</sup> Wan Shamsudin Mohd Yusof (2000), Senario Institusi Kesultanan Kedah,(Seminar Kedah 100 Tahun di UUM, 20-21 Ogos 2000), h. 1-2.

<sup>95</sup> *Ibid.*

<sup>96</sup> Ahmad Jelani Halimi (1998), “Kemasukan Islam Ke Kedah”, (Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman 11, Universiti Sains Malaysia 1998), c. 1, h. 10.

<sup>97</sup> *Ibid.*

<sup>98</sup> Abdul Rahman Hj.Abdullah (2006), *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, c.1, Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid, h.107.

Hujah ini juga diperkuatkan dalam buku-buku dan manuskrip lama seperti al-Tarikh al- Salasilah negeri Kedah, Salasilah atau Tarekh Kerja-an Kedah, Hikayat Merong Mahawangsa yang telah menyebutkan bahawa sultan ataupun raja Kedah yang pertama memeluk Islam dengan memakai gelaran Sultan Muzaffar Syah yang mana telah diislamkan oleh seorang tokoh ulama ataupun tokoh pendakwah dari arab iaitu Syeikh Abdullah Yamani ataupun, Syeikh Abdullah Baghdad ataupun juga Syeikh Abdullah bin Syeikh Ahmad bin Syeikh Ja'far Qaumiri.<sup>99</sup> Walaupun dilihat seperti ada perbezaan dari sudut nama tokoh pendakwah yang telah mengislamkan raja Kedah itu, namun hakikat yang tidak dapat dinafikan oleh sejarawan bahawa wujudnya pengaruh Islam di negeri Kedah dan negeri Kedah adalah negeri yang terawal menerima pengaruh Islam di Malaysia.

### **3. PERKEMBANGAN ISLAM DI NEGERI KEDAH**

Dengan merujuk kepada kenyataan dan berdasarkan kepada beberapa fakta serta bukti sejarah yang telah dijumpai, berdasarkan juga kajian yang telah dilakukan oleh pakar-pakar sejarah tempatan mahupun dari luar sudah jelas memperlihatkan kepada kita bahawa Kedah telah lama menerima pengaruh agama Islam dan negeri Kedah adalah negeri yang terawal sekali menerima agama Islam di Semenanjung Tanah Melayu.

Di sini dapat kita membuat kesimpulan bahawa pengaruh agama Islam sudahpun bertapak di Kedah sejak abad kesembilan melalui pendakwah-pendakwah Islam berdasarkan dua sumber besar secara bertulis dalam “Hikayat Merong Mahawangsa” yang

---

<sup>99</sup> Mohd Supian Sabtu (2002), *Tamadun Awal Lembah Bujang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.11-15.

ditulis pada zaman kesultanan Sultan Muazzam Syah, Sultan Kedah yang kedua (1179-1201M) dan juga Tarikh al- Salasilah Negeri Kedah yang ditulis oleh Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad (1928M). Seterusnya juga kita dapat melihat negeri Kedah telah menerima Islam secara keseluruhannya pada tahun 1136M, akhirnya kita akan mendapati Kedah lebih awal menerima pengaruh Islam dari Melaka, namun kita amat bersetuju bahawa Melaka adalah sebagai pusat penyebaran agama dan dakwah Islam.<sup>100</sup>

Dengan bukti dan fakta yang telah dijumpai seperti perkampungan “Langgar” yang berasal daripada bahasa Arab Parsi, kewujudan pondok pengajian agama, batu nisan yang mencatatkan nama Syah Alirah, matawang perak zaman Khalifah al- Mutawakkil ‘ala Allah (847-861M),<sup>101</sup> catatan pendakwah Islam seperti Ibni Kordahbeh (844-848M), Sulaiman (851M), Ya’qubi (857-880M), Abu Yazid (916M), Abu Dhulaf (940M) dan Al-Mas’udi (943M),<sup>102</sup> penemuan batu bersurat Aceh di Minye Tujuh yang mencatatkan nama Kedah dengan jelas dan terang. Secara tepatnya juga Kedah telah menerima Islam apabila Sultan ataupun rajanya ketika itu telah memeluk agama Islam yang mana telah dicatatkan bahawa yang telah mengislamkan raja ataupun sultan Kedah pada waktu itu ialah seorang ulama ataupun seorang pendakwah yang berbangsa Arab dari Timur Tengah.

Dengan bertapaknya Islam di Kedah, Islam telah menjadi agama yang dianuti oleh semua lapisan masyarakat bermula daripada baginda sultan dan kaum kerabatnya hingga ke

<sup>100</sup> Wan Shamsudin Bin Mohd Yusof, Sejarah Islam Di Kedah, (Seminar Perkembangan Islam Negeri Kedah Darul Aman Sempena Perayaan Sambutan Jubli Emas Pemerintahan 50 Tahun KDYMM Tuanku Sultan Kedah, Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman), h. 5-6.

<sup>101</sup> Salwani binti Abdul Rahman (2005), Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman: Peranan Dan Sumbangan Dalam Perkembangan Islam Di Kedah, (Disertasi Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 3.

<sup>102</sup> Wan Shamsudin, op.cit.

rakyat jelata. Islam telah berkembang dengan pesatnya dalam segenap aspek kehidupan masyarakat Kedah termasuklah pentadbiran, pendidikan, kebudayaan, dan pemikiran sehingga dapat mencorakkan adat resam masyarakat Kedah.

### **3.1 Sultan Sebagai Ketua Agama Islam**

Semua urusan pentadbiran agama pada masa pemerintahan raja-raja Melayu adalah tertakluk di bawah kekuasaan mutlak sultan. Perkara ini telahpun ditentukan dan telah dicatatkan dalam perlembagaan negeri semenjak sekian lama.<sup>103</sup>

Secara teorinya dalam hakikat pengkajian sejarah telah disepakati apabila raja ataupun sultan yang memerintah dalam sesuatu negeri mahupun wilayah apabila baginda sultan memeluk sesuatu agama, maka keseluruhan rakyatnya juga akan mengikutinya. Begitu juga dengan apa yang telah berlaku di negeri Kedah, apabila raja yang memerintah memeluk agama Islam maka kita dapat melihat senario yang telah berlaku secara keseluruhannya rakyat jelata yang tinggal di sekeliling istana telah beramai-ramai mengikuti rajanya memeluk agama Islam.<sup>104</sup>

Berdasarkan fakta yang telah disebutkan tadi, maka secara automatisnya sultan ataupun raja tadi akan diangkat sebagai Ketua agama Islam, yang mana dapatlah kita

---

<sup>103</sup> Dusuki Haji Ahmad (1982), *Ikhtisar Perkembangan Islam*, c. 5, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 557-559.

<sup>104</sup> Ismail Haji Saleh, Kedah: Negeri Islam Yang Pertama Di Nusantara, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK) (1996), Islam Di Kedah Darulaman, (Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman 11, 29-30 September 1996), h. 9.

fahami di sini bahawa sultan berperanan mengetuai apa- apa sahaja yang bersangkut- paut dengan perjalanan, pentadbiran ataupun organisasi agama Islam di dalam wilayah takluknya.

Oleh itu, sudah pasti apabila agama Islam sudah bertapak di dalam sesuatu wilayah lebih- lebih lagi apabila sultan, raja, ataupun pemerintahnya telah memeluk Islam maka agama Islam itu akan mengalami proses perkembangan dan proses kematangannya dari masa ke semasa serta dari satu peringkat ke satu peringkat.

Maka sultan sebagai ketua dalam hal ehwal agama Islam sangat bertanggungjawab dalam setiap perjalanan yang bersangkutan dengannya samada dalam pentadbiran, pendidikan Islam, persuratan dan juga sebagainya.

Perkara ini dapatlah dilihat apabila Sultan Kedah yang pertama memeluk Islam iaitu Maharaja Derbar Raja ditangan Syeikh Abdullah Yamani dengan memakai gelaran Sultan Muzaffar Syah, kemudian selepas daripada itu baginda Sultan telah melantik beliau sebagai penasihat agama, undang- undang dan juga dalam hal ehwal pemerintahan negeri Kedah.

Mengikut catatan sejarah negeri Kedah, pada zaman pemerintahan Sultan Sulaiman Shah (1602-1619M) yang berpusat di Kota Siputih, baginda adalah seorang sultan yang kuat pegangan agamanya kerana baginda Sultan telah memperkenankan agar melantik

seorang ulama besar dari Hijaz iaitu Syarif Aznan yang diutuskan khas oleh Empayar Uthmaniah.<sup>105</sup>

Kelangsungan selepas itu apabila pemerintahan negeri Kedah di bawah pemerintahan sultan-sultan yang kuat pegangan serta pemikiran fikrah keislamannya seperti Sultan Ahmad Tajuddin al-Mukarram Syah (1854-1879M) dan Sultan Abdul Hamid Halim Syah (1882-1943M). Kedua-dua sultan Kedah ini adalah merupakan perintis dalam mengangkat serta membawa negeri Kedah ke arah pembangunan dan juga pemodenan yang mana mereka merestui pembukaan perkampungan pondok-pondok pengajian agama di seluruh negeri Kedah.<sup>106</sup>

Salah seorang anak Sultan Kedah iaitu Tengku Muhamad Jiwa bersama-sama dengan gurunya yang berbangsa Arab iaitu Tuan Syeikh Abdul Jalil b. Tuan Syeikh Abdul Wahab b. Tuan Syeikh Ahmad al-Mahdani yang berketurunan Arab Yaman telah datang ke negeri Kedah pada tahun 1122H. Dikatakan bahawa Tengku Muhamad Jiwa telah lama menuntut ilmu dan berguru bersama beliau di Palembang.<sup>107</sup>

Di bawah pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin al-Mukarram Syah (1854-1879M) dan Sultan Abdul Hamid Halim Syah (1882-1943M) inilah dapat dilihat perintis kepada perkembangan struktur agama Islam dan juga syiarnya telah berkembang dengan baik

---

<sup>105</sup> Ismail Haji Saleh (1996), Kedah: Syarif Aznan Menguatkan Mazhab Syafie Di Kedah, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Kedah (PSMCK), Islam Di Kedah Darulaman, (Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman 11, 29-30 September 1996), h. 15.

<sup>106</sup> Wan Shamsudin Bin Mohd Yusof, Sejarah Islam Di Kedah, (Seminar Perkembangan Islam Negeri Kedah Darul Aman Sempena Perayaan Sambutan Jubli Emas Pemerintahan 50 Tahun KDYMM Tuanku Sultan Kedah, Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darulaman), h. 6.

<sup>107</sup> Faridah Romly, (Disertasi Orang Arab Di Kedah), h. 42.

terutamanya kewujudan pondok- pondok pengajian agama dan juga madrasah, masjid dan sebagainya.

Lebih rancak lagi agama Islam dan juga syiarnya pesat berkembang di Kedah apabila Sultan telah melantik Syeikhul Islam pada tahun 1901-1935M sebagai orang yang berautoriti dalam hal keagamaan dan dalam hukum syarak, di samping itu tugas Syeikhul Islam juga sebagai penasihat Sultan yang sama tarafnya dengan jawatan mufti sekarang ini.<sup>108</sup>

### **3.2 Pentadbiran Agama Islam di Negeri Kedah**

Apabila Islam bertapak di Kedah dan secara keseluruhannya termasuk raja dan juga rakyatnya menerima agama Islam itu menjadi agama rasmi dalam kehidupan mereka dan juga dalam sistem pentadbiran negerinya. Maka di sini dapatlah kita melihat sultan merupakan ketuanya secara rasmi.

Walaupun sultan adalah merupakan ketua bagi agama Islam di Kedah, namun baginda sultan telah melantik orang- orang yang pakar dalam agama Islam sebagai mufti untuk membantu baginda sultan dalam menasihati dan memberikan buah fikiran demi untuk kelancaran pembangunan agama Islam di Kedah.

---

<sup>108</sup> Salwani binti Abdul Rahman (2005), Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman: Peranan Dan Sumbangan Dalam Perkembangan Islam Di Kedah, (Disertasi Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia), h. 8.

Walaupun Kedah pada peringkat mulanya tidak mewujudkan jawatan mufti secara khusus, namun begitu penglibatan penasihat sultan dalam pemerintahan Kedah di dalam hal ehwal agama Islam sudahpun terbukti apabila Syeikh Abdullah Yamani telah mengislamkan Maharaja Derbar Raja (Sultan Muzaffar Syah) sekaligus beliau telah dilantik sebagai penasihat agama Islam yang setaraf dengan mufti ketika ini. Maka selepas itu lah baru diwujudkan istilahnya Syeikhul Islam (1901-1935), Majma' Syeikhul Islam (1936) dan juga jawatankuasa fatwa (1962) yang mana ianya juga setaraf dengan jawatan mufti.<sup>109</sup>

Seiring dengan perkembangan agama Islam di Kedah, organisasinya, pergerakannya, dakwahnya dan pentadbirannya disusun agar dapat bergerak lancar dan teratur serta lebih bersistematik sesuai dengan perkembangan semasanya untuk membantu pertumbuhan serta perkembangan negeri Kedah dengan jayanya. Bagi melicinkannya maka diwujudkan jabatan mufti, majlis agama Islam dan jabatan hal ehwal agama Islam.

### **3.2.1 Jabatan Mufti Kerajaan Negeri**

Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman memainkan peranan yang penting dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan dengan hukum syarie yang dihadapi oleh masyarakat. Kepentingan fatwa semakin terserlah dalam kehidupan manusia sejagat sebagai salah satu mekanisme penting bagi menjelaskan berkenaan hukum hakam dalam Islam yang merangkumi aspek amalan akidah serta syariat. Oleh itu jawatan mufti wujud

---

<sup>109</sup> *Ibid*

seiring dengan tuntutan tersebut dan memainkan peranan sebagai tokoh terpenting dalam hierarki masyarakat demi kemajuan agama Islam itu sendiri.

Bermula dengan jawatan syeikhul Islam, kemudiannya menubuhkan majma' Syeikhul Islam, kemudiannya pula jawatankuasa fatwa yang mana Dato' Syeikh Abdul Halim Haji Othman telah memegang jawatan ini pada tahun 1967-1973, seterusnya pada 1 September 2000 Tuanku Alhaj Abdul Halim Muadzam Shah Ibn Almarhum Sultan Badlishah memperkenankan jawatan pengurus jawatankuasa fatwa digantikan dengan jawatan mufti melalui pindaan seksyen 35 Enakmen No 9/1962.<sup>110</sup>

### **3.2.1.1 Mufti-mufti Kerajaan Negeri Kedah**

Secara simboliknya jawatan syeikhul Islam, ataupun pengurus majma' Syeikhul Islam, ataupun pengurus jawatankuasa fatwa di Kedah adalah sama tarafnya dengan jawatan mufti, namun begitu berdasarkan enakmen yang tertulis dan yang termaktub adalah jawatan mufti ini diwujudkan serta diperkenalkan pada tahun 2000. Berikut ini adalah senarainya:<sup>111</sup>

- 1- Syeikhul Islam: Syeikh Muhamad Khayat (1901-1903), Syeikh Syed Abdullah Dahlan (1904-1905), Haji Wan Sulaiman Wan Sidik (1906-1935).

---

<sup>110</sup> *Ibid*, h. 9.

<sup>111</sup> Jabatan Mufti Negeri Kedah, <http://buletinjmnk.blogspot.com/2010/03/selamat-datang-ke-buletin-jabatan-mufti.html>, 8 Disember 2010.

- 2- Majma' Syeikhul Islam: Qadi Besar Syeikh Ahmad Wakas, Syeikh Mahmud Mohd Noh, Haji Abdul Rahman Abdul Latif.
- 3- Pengerusi Jawatankuasa Fatwa: Haji Abdul Rahman Abdul Latif (1965), Tuan Syeikh Mahmud bin Haji Noh (1966), Dato' Syeikh Abdul Halim Haji Othman (1967-1973), Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid Haji Mohd Noor (1973-1978), Dato' Haji Abdul Rahman Abdullah (1979-1987), Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman (1988-2000).
- 4- Mufti : Sahibus Samahah Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid Haji Mohd Noor (2000-2003), Sahibus Samahah Dato' Paduka Syeikh Hasbullah Haji Abdul Halim (2004-2009), Sahibus Samahah Dato' Paduka Syeikh Baderuddin bin Haji Ahmad (2009- kini).

Seiring dengan penubuhan jawatan mufti ini, maka kita dapat melihat kelicinan dari sudut organisasinya iaitu lebih mantap seterusnya dapat memperkembangkan agama Islam dengan baik dan dapat menjaga perjalanan syariat dan akidah umat Islam dari masa ke semasa hingga sekarang ini, institusi ini gah dipersada masyarakat Islam di negeri Kedah.

### **3.2.2 Majlis Agama Islam dan Pejabat Agama Islam Negeri Kedah<sup>112</sup>**

#### **3.2.2.1 Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman**

Kedatangan Islam ke negeri Kedah pada kira-kira tahun 1136 Masihi (531 Hijrah) telah menyebabkan berlakunya perubahan corak pentadbiran. Sultan menduduki hierarki yang tertinggi dalam struktur sosio-politik dan Ketua Agama. Ulama dilantik menjadi penasihat dengan diberi gelaran Guru Sultan.

Dalam pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah (1854-1879), baginda telah menggerakkan usaha ke arah mewujudkan satu organisasi yang mentadbirkan perjalanan Agama Islam. Pembahagian jawatan dan tugas dalam bidang agama diwujudkan iaitu jawatan Syeikhul Islam, Kadi dan Imam Besar.

#### **3.2.2.2 Sejarah Penubuhan Pejabat Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman**

Dalam pemerintahan Sultan Abdul Hamid Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Tajuddin (1879-1943), usaha memperkemaskan pentadbiran Agama Islam dengan lebih sistematik telah dijalankan. Organisasi ini dinamakan Pejabat Agama Negeri Kedah yang bertempat di Limbung Kapal, Alor Setar.

---

<sup>112</sup> Majlis Agama Islam Kedah, <http://www.maik.gov.my/myportal/index.php?page=sejarah>, 10 Disember 2010.

Peranannya adalah menjalankan kerja-kerja berkaitan urusan hal ehwal agama Islam dengan diketuai oleh seorang pegawai tertinggi yang dikenali sebagai Syeikhul Islam dan dibantu oleh seorang Kadi. Pentadbiran Pejabat Agama dibahagikan kepada dua bahagian iaitu :-

1. Bahagian Syeikhul Islam - diketuai oleh Syeikhul Islam sebagai pegawai eksekutifnya.
2. Bahagian Syariah - diketuai oleh Kadi Besar

### **3.2.2.3 Penubuhan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kedah Yang Pertama<sup>113</sup>**

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kedah yang pertama ditubuhkan pada tahun 1952 yang bertujuan memperkemaskan lagi Pentadbiran Agama Islam Negeri. Majlis terdiri daripada 24 orang ahli majlis iaitu :-

1. Yang DiPertua
2. Setiausaha (dilantik oleh Yang DiPertua)
3. 11 orang ahli daripada kalangan alim ulama negeri
4. 11 orang ahli daripada kalangan pegawai dan pihak adat istiadat Melayu

---

<sup>113</sup> Majlis Agama Islam Kedah , <http://www.maik.gov.my/myportal/index.php?page=sejarah>, 10 Disember 2010.

### **3.2.2.4 Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman Yang Kedua<sup>114</sup>**

Majlis ini diwujudkan mengikut peruntukan Undang-Undang Pentadbiran Agama Islam (Undang-Undang Negeri Kedah No. 9 Tahun 1962) yang dikuatkuasakan pada 4 April, 1963 bersamaan 11 Zulkaedah, 1382. Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman yang kedua berlaku pada pemerintahan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'azzam Shah.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman ditubuhkan bertujuan untuk menolong dan menasihati Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan selaku Ketua Agama Islam Negeri di dalam perkara-perkara yang bersangkut-paut dengan Agama Islam di negeri ini.

### **3.2.2.5 Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman Yang Ketiga<sup>115</sup>**

Majlis ini diwujudkan mengikut peruntukan Enakmen pentadbiran Undang- Undang Islam (Kedah Darul Aman) 2008 yang dikuatkuasakan pada 01 April 2008 bersamaan 24 Rabiulawal 1429H.

---

<sup>114</sup> *Ibid.*

<sup>115</sup> *Ibid*

Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman yang ketiga berlaku dalam pemerintahan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Abdul Halim Mu'azzam Shah dan serentak dengan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Pemerintahan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman.

Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman ditubuhkan bertujuan untuk menolong dan menasihati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan selaku Ketua Agama Islam Negeri di dalam perkara-perkara yang bersangkut-paut dengan Agama Islam di negeri ini. Pada asasnya Majlis Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman adalah pembuat dasar yang berhubung dengan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal Islam. Manakala keseluruhan dasar-dasar ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam sebagai badan yang akan melaksanakan dasar-dasar yang telah diputuskan oleh Majlis.<sup>116</sup>

### **3.2.2.6 Aktiviti-aktiviti Majlis Agama Islam Negeri Kedah**

Untuk melicinkan segala perancangan, aktiviti dan gerak kerja yang telah dirancang oleh pihak majlis, maka diwujudkan bahagian-bahagian dalam majlis ini seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Bahagian</b>	<b>Aktiviti</b>
1.	Bahagian khidmat pengurusan	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Mengendalikan urusan pentadbiran seperti pengambilan kakitangan.</li><li>2. Mengendalikan kursus dan peperiksaan</li></ol>

<sup>116</sup> <http://www.reocities.com/Yosemite/8432/maik.htm>, 16 Februari 2011

		<p>kepada kakitangan.</p> <p>3. Mengendalikan urusan surat-menyurat, pengurusan fail dan menjadi urusetia mesyuarat.</p> <p>4. Merancang dan mengendalikan setiap projek, program dan aktiviti-aktiviti majlis untuk setiap tahun.</p> <p>5. Menyelaras atau merekod serta mengurus pinjaman komputer, kenderaan dan perumahan kepada kakitangan MAIK.</p> <p>6. Memastikan dan menyelaras segala dasar-dasar Majlis dapat dilaksanakan.</p> <p>7. Merancang program pembangunan Sumber Manusia sesuai dengan perkembangan semasa.</p>
2.	Bahagian kewangan dan pelaburan	<p>1. Mewujudkan pengurusan serta Pentadbiran Kewangan yang kemaskini, cepat dan tepat selaras dengan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam No.9 Tahun 1962, Standard Perakaunan yang diterima umum bagi</p>

	<p>mengeluarkan penyata kewangan yang adil, saksama serta memenuhi hukum-hukum syarak.</p> <p>2. Memastikan hasil Majlis &amp; Baitulmal dikutip dengan sistematik selaras dengan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Kedah dan Dasar Majlis.</p> <p>3. Mengawal Peruntukan Majlis selaras dan sehaluan dengan Dasar Majlis.</p> <p>4. Menyediakan anggaran belanjawan Majlis termasuk pelarasan antara bahagian Majlis dengan pihak kerajaan yang bersangkutan.</p> <p>5. Menyediakan proses pembayaran dengan teratur berpandukan kepada Arahan Perbendaharaan, Surat Pekeliling, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perkara 9 1962, Prosedur Kewangan dan Perakaunan Majlis dan Standard-standard Perakaunan yang diterima umum.</p>
--	---

		<p>6. Mengembangkan Pelaburan Majlis dalam bentuk harta tanah dan kewangan dengan merancang dan mereka pelan pembangunan harta tanah selaras perkembangan semasa.</p> <p>7. Memastikan urusniaga kewangan Majlis direkod dalam daftar yang kemaskini dan penyata-penytata kewangan disediakan untuk pihak pengurusan dan audit dalam masa yang ditetapkan.</p> <p>8. Mengemaskini dan memperbaiki dari masa ke semasa sistem serta tatacara perakaunan dan kewangan selaras dengan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam dan memperkuuhkan sistem kawalan dalaman yang sedia ada.</p>
3.	Bahagian Baitulmal	<p>1. Menyempurnakan tugas-tugas perbicaraan jika ada yang berkaitan dengan Baitulmal.</p> <p>2. Menyelaras harta pusaka yang mengenai bahagian Baitulmal.</p>

		<p>3. Bertanggungjawab ke atas Amanah Baitulmal.</p> <p>4. Menerima dan menapis permohonan bantuan.</p> <p>5. Mengemaskini serta merekod harta Baitulmal.</p> <p>6. Membuat siasatan harta Baitulmal.</p> <p>7. Penyediaan laporan aktiviti Baitulmal dan statistik agihan Baitulmal.</p> <p>8. Menyediakan kertas kerja untuk mesyuarat Baitulmal</p>
4.	Bahagian wakaf	<p>1. Mengurus Proses Permohonan Wakaf.</p> <p>2. Mengurus Proses Permohonan Tanah Kerajaan.</p> <p>3. Mengurus Proses Pengambilan Tanah Pada Peringkat Majlis.</p>

		<p>4. Menyusun Perancangan Pembangunan Hartanah Wakaf.</p> <p>5. Menyelaras dan Mengurus Sewa Hartanah Wakaf.</p> <p>6. Mengawal Aktiviti Pencerobohan Ke Atas Hartanah Wakaf.</p>
5.	Bahagian sumber maklumat	<p>1. Merancang, menganalisa, membangun dan menyelenggara sistem-sistem aplikasi yang telah dikenalpasti</p> <p>2. Mengurus dan mentadbir pangkalan data untuk Tanah Wakaf dan Baitulmal</p> <p>3. Memberi khidmat nasihat dalam aspek pengkomputeran kepada kakitangan Majlis</p> <p>4. Menyediakan kemudahan pemproses (membekal dan memasukkan data) serta menguruskan penyelenggaraan perkakasan (hardware) dan perisian (software)</p>

		<p>5. Mewujudkan jalinan strategik dengan pelbagai sektor luar seperti awam, swasta dan lain-lain</p> <p>6. Melaksanakan kerja-kerja pemprosesan data serta menyelaras pengwujudan, penyimpanan dan perkongsian maklumat</p> <p>7. Memastikan keselamatan Sistem Maklumat Kerajaan khususnya di Majlis Agama Islam Kedah terpelihara</p> <p>8. Menyediakan kursus dan latihan komputer kepada bahagian-bahagian di Majlis dalam pengguna sistem aplikasi yang telah dibangunkan dan juga latihan perisian computer</p>
6.	Bahagian pusat bimbingan Islam	<p>1. Menyediakan program pengajian/kuliah secara bulanan dan mingguan kepada Saudara Baru.</p> <p>2. Memberi bimbingan dan nasihat kepada saudara baru yang baru memeluk Islam, pemantapan kefahaman dan penghayatan Islam</p>

	<p>secara lebih dekat dan mendalam.</p> <p>3. Menganjur dan menyediakan program-program dan aktiviti-aktiviti mengenai kefahaman Islam kepada individu dan masyarakat, yang ingin mengetahui Islam secara lebih dekat dan mendalam.</p> <p>4. Memantau dan mengawasi perkembangan saudara baru yang telah tamat kursus dari masa ke semasa.</p> <p>5. Berperanan membimbing dan melatih bakal-bakal pendakwah di kalangan saudara baru khususnya dan orang Islam amnya mengenai kaedah dan tatacara menyebarkan Islam di kalangan bukan Islam yang terdiri daripada berbagai bangsa.</p> <p>6. Berperanan untuk membendung daripada berlakunya gejala murtad di kalangan saudara baru.</p>
--	--

Sumber: Portal dan laman web MAIK

### **3.3 Pendidikan Islam Di Negeri Kedah**

Sejarah permulaan penubuhan pondok di Kedah tidak dapat diketahui dengan jelas. Tetapi andaian yang dapat dibuat ialah bahawa pondok tidak mungkin tumbuh sebelum kedatangan agama Islam bertapak ke Kedah.<sup>117</sup>

Sesuai dengan berkembangnya agama Islam di Kedah, seiringan dengan itu berkembanglah juga organisasi pendidikan Islam di Kedah bermula dengan institusi pondok, sekolah agama dan juga pusat pengajian Tinggi Islam di Kedah. Maka kita melihat satu perkembangan yang sangat hebat transformasi yang berlaku terhadap perkembangan pendidikan Islam di Kedah melalui tiga institusi tersebut iaitu:

#### **1. Pondok**

Asal perkataan pondok ini adalah merupakan bahasa yang telah dipinjamkan dalam bahasa Arab dan dijadikannya sebagai bahasa Melayu. Di dalam bahasa arab pondok ataupun “fondok” membawa erti hotel<sup>118</sup> ataupun tempat tumpangan kerana hotel adalah tempat persinggahan tidur untuk sementara,<sup>119</sup> maka jelaslah di sini bahawa sistem pondok itu benar-benar berlaku, wujud dan berkembang dari masa ke semasa sehingga pada hari ini.

---

<sup>117</sup> Zahidi Dato' Haji Zainol Rashid (1996), (Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darulaman 11, 29-30 September 1996), Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Kedah Darulaman, h. 108.

<sup>118</sup> Hussein bin Unang (1994), *Kamus al-Tullab*, c.1, Kuala Lumpur: Darul Fikir, h. 781.

<sup>119</sup> Zahidi, op.cit, h. 109.

Institusi pondok telah melakarkan sejarah dalam perkembangan agama Islam melalui proses pendidikan Islam yang telah memberikan impak yang sangat hebat sehingga negeri Kedah telah melahirkan ramai ilmuan-ilmuan Islam hasil pendidikan yang bermula dengan sistem pondok ini.

Tumbuhnya sistem pengajian pondok ini berlaku juga di Kelantan, Terengganu, negeri-negeri dalam Tanah Melayu dan termasuk juga negeri Kedah. Sistem pondok ini juga telah berkembang dengan pesat sekali seiring dan seajar dengan bertapak dan berkembangnya agama Islam di Nusantara.

Kedah juga amat kuat tradisi pondoknya seperti Kelantan, Terengganu dan Nusantara seperti Aceh serta Patani. Ini terbukti apabila Sultan Sulaiman 11(1602-1619M) dikirimkan oleh kerajaan Aceh kitab Sirat al-Mustaqim, karya Syeikh Nuruddin al-Raniri kepada pemerintah Kedah pada masa itu.<sup>120</sup>

Negeri Kedah sememangnya amat terkenal dengan sistem pengajian institusi pondok ini, yang telah memberikan pendidikan agama kepada masyarakat Islam di Kedah pada suatu ketika dahulu dan ada yang masih wujud sehingga ke hari ini.

Sistem pengajian pondok yang pertama ditubuhkan di Kedah dipercayai pondok Kampung Pulau Pisang Jitra di dalam daerah Kubang Pasu. Sistem pengajian pondok ini

---

<sup>120</sup> *Ibid*, h. 108.

diperdayai diasaskan oleh Tuan Haji Ishak pada tahun 1840-an. Beliau diperdayai adalah anak murid kepada Tuan Guru Syeikh Daud al-Fatani.<sup>121</sup>

Perkembangan pengajian bersistemkan pondok ini sangat pesat kerana pencarian ilmu itu berlaku disebabkan kehebatan seseorang Tuan Guru itu yang menerajui sistem pendidikan di pondok tersebut. Pondok- pondok di Kedah telah menerima pelajar- pelajar dari negeri Kedah sendiri, dari dalam negara bahkan dari luar negara.

Berdasarkan Roshan Kuntum” A General Survey Of Muslim Religious Schools In Malaya”1978, beliau berpandangan bahawa sistem pengajian pondok yang wujud di negeri Kedah bermula sejak pertengahan kurun ke-18 lagi.<sup>122</sup>

Pertumbuhan pondok- pondok dan sistem pengajiannya iaitu yang memberikan penekanan dalam pendidikan agama Islam ada hubungkaitnya dengan kemunculan ulama di Kedah. Kedah adalah merupakan sebuah negeri yang kaya dengan ulama. Dicatatkan bahawa pada tahun 1850-1935 terdapat lebih 60 orang ulama di Kedah.

Salah seorang ulama yang sangat terkenal di Kedah dan telah memberikan sumbangan yang cukup besar dan bererti ialah Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik. Beliau juga adalah di antara ulama yang telah meneroka pondok dan telah diangkat tarafnya

---

<sup>121</sup> *Ibid*, h. 109.

<sup>122</sup> *Ibid*

sebagai Syeikhul Islam. Seterusnya juga beliau adalah merupakan penasihat di raja iaitu pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Shah (1882-1943).<sup>123</sup>

### Pondok Kampung Pulau Pisang

*Ulama Kedah Darul Aman*



**Bekas pondok Kampung Pulau Pisang, Tunjang**

Sumber : Biografi Ulama Negeri Kedah

---

<sup>123</sup> Sejarah Maktab Mahmud, <http://www.scribd.com/doc/17127493/Sejarah-Maktab-Mahmud>, 11 Disember 2010.

Syeikhul Islam Syeikh Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik telah membuka sebuah pondok iaitu pondok Limbong Kapal. Perjalanan pengajian institusi pondok ini mempunyai sistem jadual waktu dan jadual cuti penggal dengan cara tersendiri. Jadual waktu harian akan bermula dengan solat subuh diikuti pula dengan kuliah selepas solat Subuh. Selepas daripada itu guru akan berehat dan murid akan menjalankan kerja dan juga aktiviti harian mereka seperti menghafal, mentelaah buku dan juga kitab-kitab. Pengajiannya akan bersambung semula dengan solat Zohor dan selepas solat Zohor, ia berakhir dengan solat Asar bersama secara berjamaah. Pengajian bersambung lagi dengan solat maghrib hingga sampai masuknya waktu solat Isyak. Cuti penggalnya adalah mengambil kira masuknya bulan Ramadhan dan musim menuai padi.<sup>124</sup>

Pondok Limbong Kapal ini kemudiannya telah menukarkan sistem pendidikannya kepada sistem Madrasah. Selepas itu pondok Limbong Kapal ini telah bertukar namanya kepada Madrasah al- Hamidiyyah.<sup>125</sup>

Madrasah al- Hamidiyyah diambil sempena nama Sultan negeri Kedah pada waktu itu iaitu Sultan Abdul Hamid Shah kerana Syeikh Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik melihat sistem pengajian pondok ini perlu dinaik tarafnya untuk memenuhi tuntutan keperluan pada waktu itu. Seterusnya juga beliau berpendapat dengan cara ini para pelajar lulusannya akan dapat mencapai taraf kualiti hidup yang sepatutnya di samping dapat memenuhi keperluan dakwah semasa.

---

<sup>124</sup> *Ibid.*

<sup>125</sup> Sejarah Maktab Mahmud, <http://www.scribd.com/doc/17127493/Sejarah-Maktab-Mahmud>, 11 Disember 2010.

Madrasah al-Hamidiyyah Limbung Kapal



Sumber : Majalah Ilham 1968

## **2. Sekolah Agama**

Peranan ulama ke arah membangunkan tamadun Islam di negeri Kedah Darul Aman terus mempunyai kesinambungan. Ini menunjukkan bahawa tradisi intelektual Islam yang diasaskan oleh ulama sebelumnya adalah merupakan suatu perspektif keilmuan yang dapat dihayati hingga ke generasi sekarang. Tidak dinafikan bahawa institusi pengajian pondok adalah merupakan salah satu wadah penting dalam bidang keilmuan sebelum merdeka.

Namun begitu pendidikan Islam mengorak langkah setapak lagi ke hadapan untuk membantu ke arah meneruskan lagi kecemerlangan institusi pendidikan Islam di Kedah dengan ditubuhkan satu lagi corak penyebaran ilmu- ilmu agama Islam kepada generasi umat Islam di negeri Kedah dengan menaik taraf madrasah<sup>126</sup> kepada sekolah agama.

Syeikh Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik jugalah orang yang bertanggungjawab memperkenalkan sistem sekolah agama di Kedah. Beliau telah mewujudkan sekolah agama Maktab Mahmud yang letaknya di Simpang Kuala Alor Setar. Nama Maktab Mahmud ini diambil sempena dengan nama YTM Tunku Mahmud pada masa itu yang menjadi Pemangku Raja. Maktab Mahmud ini adalah lanjutan daripada Madrasah al- Hamidiyyah Limpong Kapal dan seterusnya dinaikkan taraf menjadi sekolah agama apabila berpindah ke Simpang Kuala.

---

<sup>126</sup> Menurut Kamus al-Marbawi 1354H, Syeikh Muhamad Idris al-Marbawi, “Madrasah” berasal daripada perkataan Arab “darasa” yang bermaksud belajar. Oleh itu, “Madrasah” bermakna tempat belajar ataupun sekolah.

Perbezaan di antara institusi pendidikan pondok dan juga madrasah amat ketara. Institusi pendidikan pondok tidak mempunyai sistem tertentu dari segi sukanan pelajaran, kenaikan kelas atau peralihan tahun dan waktu yang tidak terbatas. Sedangkan institusi pendidikan madrasah ataupun sekolah ini mempunyai sukanan pelajaran tertentu, ada sistem naik kelas dan jumlah tahun yang tertentu. Manakala dari sudut pentadbiran pula mungkin madrasah nampak lebih kemas, tetapi dari segi penghayatan ilmu- ilmu Islam sistem pondok nampak lebih berkesan.<sup>127</sup>

Sekolah agama ataupun institusi pendidikan madrasah melaksanakan sistem pendidikan moden seperti mempunyai jadual waktu, buku teks, loceng dibunyikan, mempunyai sukanan pelajaran, mempunyai sistem peperiksaan untuk naik darjah, guru-guru yang berpengkhususan dan pemberian sijil kepada pelajar yang berjaya menamatkan pengajiannya hingga ke darjah lima.<sup>128</sup> Institusi ini juga mempunyai peringkat ibtidai dan juga thanawi. Semua perkara ini telah dijalankan di Maktab Mahmud yang telah diasaskan oleh Syeikh Haji Wan Sulaiman bin Wan Sidik.

Namun begitu, satu lagi reformasi bertaraf moden yang telah berlaku kepada institusi pendidikan aliran sekolah agama terutamanya di Maktab Mahmud ini di bawah kepimpinan pengetuanya yang pertama iaitu Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman

---

<sup>127</sup> Mustapha Hj. Daud (2000), Perkembangan Islam Di Kedah, (Seminar Kedah 100 Tahun 1, Universiti Utara Malaysia, 20-21 Ogos 2000), h. 4.

<sup>128</sup> Mohamed Mustafa Ishak, Syamsul Anuar Ismail, Rohana Yusof (2004), Kedah Dalam Lipatan Sejarah: Koleksi Artikel Dato' Wan Shamsuddin Mohd Yusof, Universiti Utara Malaysia, h. 122.

Maktab Mahmud



Sumber : Majalah Ilham 2004

ialah institusi pendidikan ini telah menerima pakai sistem sukanan pelajaran yang beroreintasikan akademik untuk membolehkan pelajar-pelajar mengambil peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran, Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia di samping mengekalkan sistem yang beroreintasikan agama.<sup>129</sup>

Hasil pemikiran beliau ini, satu fenomena baru yang merupakan anjakan paradigma telah berlaku, daripada hanya menggunakan sistem pondok ke arah sistem campuran iaitu dikekalkan sistem pondok itu, bahkan ditambah serta disegarkan lagi dengan sistem yang beraliran moden. Usaha beliau yang jitu dan bersepada ini adalah merupakan hasil wawasan pemikiran kreatif beliau sendiri tanpa ada menerima pengaruh daripada elemen luar demi untuk melihat dakwah Islam itu berjaya bermula dengan sistem pendidikan di Maktab Mahmud.<sup>130</sup>

### **3. Pusat pengajian Tinggi Islam**

Walaupun sistem pendidikan Islam di Kedah mengalami proses perkembangannya dengan begitu cepat, namun demikian institusi pendidikan yang beraliran pondok masih lagi dapat diteruskan dan mendapat sambutan daripada masyarakat Islam di Kedah menjelang tahun 2000 ini. Sebagai contohnya ialah pondok Dahirang<sup>131</sup> Alor Setar yang

---

<sup>129</sup> Abdul Majid bin Mohd Noor, bekas Mufti dan Mursyid Di Raja Kedah Darul Aman, Temubual pada 25 November 2009.

<sup>130</sup> Wan Shamsudin Bin Mohd Yusof, pakar sejarah negeri Kedah, Temubual pada 4 Februari 2011.

<sup>131</sup> Dahirang ataupun Derang adalah satu nama tempat yang sama dalam daerah di negeri Kedah.

mempunyai ramai murid yang datang dari seluruh pelusuk negeri Kedah untuk menimba ilmu fardhu ain.<sup>132</sup>

Sistem sekolah agama pula semakin mendapat tempat dalam masyarakat Islam di Kedah iaitu dengan ramainya permintaan daripada ibubapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah agama lebih- lebih lagi sekolah yang beroreintasikan agama dan juga akademik seperti Maktab Mahmud Alor Setar. Ini kerana sistem sekolah agama akademik telah memberi peluang yang sangat luas kepada lepasan sekolah agama untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat institusi pendidikan yang lebih tinggi iaitu ke universiti tempatan ataupun luar negeri meliputi semua bidang yang tidak terbatas kepada pengajian Islam dan Arab sahaja.

Kedah juga mempunyai pusat pengajian tinggi Islam iaitu Insaniah (Institut Agama Islam Negeri Kedah) ataupun sekarang ini telahpun dinaik taraf sebagai Universiti iaitu KUIN (Kolej Universiti Insaniah). Ianya ditubuhkan pada tahun 1994 bagi memenuhi perkembangan agama Islam yang lebih produktif dan semasa dan demi merancakkan lagi perkembangan pendidikan Islam di Kedah.<sup>133</sup>

---

<sup>132</sup> Mustapha Hj. Daud, Perkembangan Islam Di Kedah, (Seminar Kedah 100 Tahun 1, Universiti Utara Malaysia, 20-21 Ogos 2000), h. 5.

<sup>133</sup> *Ibid*

Kolej Universiti Insaniah



Sumber : Portal dan laman web KUIN

### **3.4 Perkembangan Persuratan Islam Di Negeri Kedah**

#### **3.4.1 Penulisan suratkhabar**

Kedah mempunyai sejarahnya yang tersendiri di bidang persuratan dan juga penerbitan. Sejarah perkembangan persuratan dan juga penerbitan di Kedah amat jelas sekali sama ada dalam bentuk sastera kitab ataupun sastera kreatif. Dicatatkan dalam catatan sejarah Kedah dan sejarah Aceh pada abad ke-17 adalah merupakan zaman pesatnya perkembangan penulisan karya-karya sejarah, sastera dan agama pada zaman itu iaitu di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Thani dan juga Ratu Tajul ‘alam Safiatuddin sehingga baginda telah menghadiahkan dua buah kitab kepada kerajaan Kedah di bawah pemerintahan Sultan Sulaiman 11 yang bernama kitab Sirat al- Mustaqim dan juga kitab “Bab al-Nikah”, karangan Syeikh Nuruddin al-Raniri. Dicatatkan peristiwa ini berlaku iaitu pada tahun 1602-1619M.<sup>134</sup>

Penulisan dan penerbitan suratkhabar yang pertama sekali di Kedah yang dikenalpasti setakat hari ini ialah akhbar “NUN”. Penerbitannya bermula pada 23 Februari 1926M. Ianya telah diterbitkan sebanyak dua kali sebulan demi untuk memenuhi tuntutan dakwah Islamiah terhadap masyarakat Islam di negeri Kedah ketika itu.<sup>135</sup>

---

<sup>134</sup> Abu Bakar bin Lebai Mat (2006), Sejarah Pendidikan Agama Di Kedah, (Seminar Kedah 100 Tahun 11, Universiti Utara Malaysia, 20-21 Ogos 2006), h. 1.

<sup>135</sup> Wan Shamsuddin bin Wan Yusof, (Kertas Kerja: Perkembangan Dakwah Islamiah Dan Penulis-penulis Dari Golongan Agama Di Utara-Barat Malaysia-Tumpuan Di Negeri Kedah Darulaman, Anjuran Gapena, 1-4- 1999), h. 9.

## Akhbar pertama di Kedah



Sumber : Biografi Ulama Kedah Darul Aman

### **3.4.2 Penulisan Kitab Agama**

Bertitik tolak dari sini juga iaitu bermulanya pengaruh dalam bidang ini bertunas, di bawah pemerintahan Sultan Sulaiman Shah 11 (1602-1620) iaitu Sultan Kedah ke- 12 yang berpusat di Kota Si Putih dalam daerah Kubang Pasu. Ia merupakan pusat pentadbiran ketiga sesudah bertapaknya Islam di Kedah. Pada zaman baginda inilah sebuah kitab agama terawal yang dapat dikesan setakat ini telah dihasilkan dan diterbitkan oleh seorang penulis bernama Ahmad bin Aminuddin Qad-hi (Kedah) iaitu pada bulan Februari pada tahun 1622M. Kitab yang berukuran 23x16 sm ini membicarakan tentang persoalan ilmu Tauhid khususnya dalam mengupas persoalan dalam ilmu “ Sifat Dua Puluh ”.<sup>136</sup>

Kebanyakan hasil karya persuratan Islam dan penerbitannya adalah dipelopori dan juga digerakkan oleh golongan ulama pada peringkat awalnya. Perkara ini seiring dengan pertapakan agama Islam di Kedah dan juga perkembangannya dengan pertumbuhan pondok- pondok pengajian agama yang berselerak di Kedah. Maka dengan itu sudah pastilah pada masa yang sama juga penulisan kitab- kitab akan dihasilkan oleh tuan guru tersebut sebagai alat ataupun medium untuk membantu menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Tradisi ini telah diteruskan oleh ulama selepas daripada itu untuk menghasilkan karya-karya mereka samada dalam bentuk keagamaan, dalam perundangan, dakwah,

---

<sup>136</sup> Haji Wan Shamsuddin Mohd Yusof (2006), Warta Darul Aman bil. 2: Februari.

sejarah seperti Hukum Kanun atau Undang-undang Kedah (1626-1652M), Tembera Dato Seri Paduka Tuan yang telah disusun oleh Syeikh Alauddin.<sup>137</sup>

Dilihat juga ada di kalangan ulama Kedah telah menghasilkan kitab-kitab ataupun buku- buku mengenai perubatan atau tabib iaitu Haji Muhamad Said Bin Penghulu Muhamad Taib dengan kitabnya Majmuk Terasul Aturan Resaman Tertib Kedah.<sup>138</sup>

Syeikh Abdullah Abbas Nasution (1912-1987) yang merupakan seorang ulama dan juga seorang penulis yang banyak menghasilkan karya- karya ilmiah. Beliau adalah pengasas dan mudir pondok Tanjung Pauh Jitra yang kemudiannya bertukar menjadi sekolah agama moden Ihya al- Ulum al- Diniyyah. Beliau telah menghasilkan buku- buku sains politik (1937) dan buku-buku sejarah pada tahun 1959.<sup>139</sup>

Tidak dilupakan juga Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman, salah seorang anak watan negeri Kedah yang telah banyak menyumbang ilmunya, buah fikirannya, tenaganya, masanya demi untuk melengkapkan lagi perkembangan ilmu dan juga pendidikan Islam serta dakwah di Kedah dalam banyak sudut. Dari sudut menghasilkan buku- buku dan beliau juga telah melakukan reformasi yang segar dari sudut reformasi kurikulum pendidikan Islam di Kedah terutamanya apabila beliau memegang jawatan sebagai pengetua Maktab Mahmud dan juga pengurus Lembaga Maktab Mahmud

---

<sup>137</sup> Peranan dan Sumbangan ulama Silam,  
<http://www.facebook.com/topic.php?uid=26431570930&topic=14315>, 12 Disember 2010.

<sup>138</sup> Biografi Ulama Kedah Darulaman (1996), j. 1, c. 1, Kedah: Lembaga Muzium Negeri Kedah Darulaman, h. 132-136.

<sup>139</sup> Bumi Bebas, <http://bumibebas.blogspot.com/2007/07/haji-abdullah-abbas-nasution-seorang.html>, 12 Disember 2010.

sehingga kurikulumnya kekal sehingga sampai ke hari ini. Bahkan lebih menarik lagi pemikirannya pada waktu dan ketika itu telah mendahului zamannya dengan sekolah agama Maktab Mahmud menempa kejayaan demi kejayaan.

Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman telah membawa sekolah agama Maktab Mahmud kemercu kejayaan samada dalam bidang pendidikan, keilmuan, pentadbiran dan juga organisasi, sukan, drama teater, perjuangan politik, NGO, agama dan dakwah seterusnya di peringkat antarabangsa. Penglibatan beliau dan tokoh ulama Kedah ini sangat gah sejarahnya di kalangan ulama sezaman dengannya bahkan sangat harum segala bentuk sumbangannya terhadap perkembangan Islam di Kedah. Walaupun beliau dan tokoh ulama Kedah ini lahir dalam suasana sebelum kemerdekaan, dalam suasana beliau hanya menerima pendidikan yang berlatarbelakangkan institusi pondok sahaja, namun gagasan pemikiran beliau telah merentas zaman, gagasan pemikirannya telah merentas waktu, gagasan idealismanya telah merentas masa dan telah mendahului zamannya pada ketika itu. Penulis akan menghuraikannya dengan lebih terperinci dalam bab 3 dan 4.